

INISIATIF PUSAT PEMBANGUNAN TAMADUN MASYARAKAT ASLI (PETAMA) DALAM MEMBINA KUMPULAN PENDAKWAH MASYARAKAT ORANG ASLI DI PAHANG¹

Anuar Puteh, Muhammad Faisal Asha'ari,
Zulkefli Aini, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani,
Shamsuddin Mohamed Arshad@Ismail

PENGENALAN

Penulisan ini akan menghuraikan Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) dan peranannya terhadap dakwah Islamiah khususnya terhadap masyarakat Orang Asli di negeri Pahang. Usaha murni tersebut dilakukan melalui kaedah membina serta membangunkan kumpulan pendakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli sendiri.

SEJARAH PENUBUHAN PETAMA

Penubuhan PETAMA adalah kesinambungan daripada program rehlah yang dianjurkan oleh Yayasan Pahang dalam misi dakwahnya kepada masyarakat Asli selama dua minggu yang melibatkan seluruh pelajar-pelajar di bawah tajaannya yang sedang menuntut di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) (PETAMA 1998).

Apabila dikaji semula, program rehlah tersebut didapati kurang efektif dari segi pencapaian dakwahnya yang kurang berkesan serta kos perlaksanaannya terlalu tinggi. Lantaran itu, Yayasan Pahang dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang (JAKOA) telah membuat keputusan untuk menubuhkan program yang baru bagi menggantikan program tersebut kepada program yang lebih baik dan berkesan. Justeru, tercetuslah idea untuk menubuhkan Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) pada awal Januari 1998 (PETAMA). Maka program tersebut dijadikan salah satu program pengajian di bawah pengurusan Kolej Antarabangsa IKIP.

Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli tersebut mendapat sambutan yang baik oleh masyarakat Asli dengan pertambahan bilangan masyarakat Asli dari seluruh pelusuk negeri Pahang dari masa ke semasa. Kerajaan bertanggungjawab untuk tidak membiarkan mereka ketinggalan serta tercicir, malah maju dan bergerak seiring

¹ Kertas kerja yang dibentangkan di dalam Seminar Serantau Dakwah dan Etnik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 20-21 November 2014

dengan masyarakat lain sama ada dalam aspek agama, sosial, ekonomi dan sebagainya (Razi bin Musa @ Ahmad 2012).

Justeru, kerajaan negeri Pahang mendapati perlu diwujudkan sebuah pusat dakwah khusus untuk masyarakat Asli. Maka, Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) telah ditempatkan di sebuah kawasan taman perumahan di tengah bandar Kuantan iaitu berlokasi di NO. 14, Lorong Bukit Ubi 12, Jalan Lim Hoe Lek, Kuantan Pahang Darul Makmur. Penubuhannya adalah hasil cetusan idea YAB Dato' Seri Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang dan pada ketika itu beliau juga menjawat jawatan Exco Pendidikan dan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pahang (PETAMA 1998).

Pada peringkat awal, Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) diwujudkan dalam bentuk program yang paling asas sebaik sahaja ianya ditubuhkan pada tahun 1998. Walau bagaimanapun bagi mempertingkatkan mutu pelaksanaan program kepada peserta pada ketika itu, bentuk dan corak program di PETAMA sentiasa berubah dan dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut kehendak dan keperluan. Program dijalankan dalam serba kekurangan disebabkan perancangan pembangunan memerlukan perbelanjaan dalam kos yang sangat besar dan perancangan yang bersistematik secara menyeluruh.

Visi

Melahirkan modal insan di kalangan masyarakat Asli yang bertamadun sesuai dengan arus pembangunan negara, berasaskan ajaran Islam.

Misi

- i. Melahirkan golongan yang mampu menjadi pemimpin Islam dan ejen pembangunan di dalam masyarakat orang Asli.
- ii. Mewujudkan individu orang Asli yang mempunyai ilmu ukhrawi dan berkemahiran duniawi moden.

Objektif Penubuhan

Program khusus untuk masyarakat Asli seumpama model ini adalah yang pertama ditubuhkan di negara ini. Matlamatnya adalah untuk menjadikan pelajar sebagai agen pengubah memajukan masyarakat Asli sendiri. Ejen seperti ini adalah amat diperlukan. Namun, kewajipan kita bukan sekadar mengislamkan mereka sahaja, bahkan memberi pelajaran yang secukupnya mengenai Agama Islam kepada mereka. Salah satu cara yang paling efektif adalah membentuk mereka untuk menjadi daie atau pendakwah kepada masyarakat mereka sendiri sepertimana yang telah dilaksanakan dalam program PETAMA tersebut.

Selain itu, penubuhan PETAMA adalah bertujuan memberi kesedaran golongan belia dari kalangan masyarakat Asli bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang besar perlu dilakukan iaitu membangunkan tamadun masyarakat mereka selaras dengan peredaran semasa. Secara tidak langsung, penubuhan tersebut dapat memberi peluang kepada masyarakat lain untuk mendekati serta mengenali dengan lebih dekat mengenai kehidupan dan budaya masyarakat Asli sebenar. Pada masa yang sama dapat juga menabur bakti terhadap golongan tersebut.

Fungsi Utama

- i. Memberikan kesedaran kepada masyarakat Asli terutama golongan muda dalam aspek pembangunan masyarakat setempat.
- ii. Menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat Asli serta membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam amalan ajaran Islam sebenar (*Islam is the way of life*).
- iii. Membuka laluan pendidikan dan kerjaya kepada masyarakat Asli terutama golongan muda sebagai pemangkin dalam membangunkan masyarakat dan ekonomi mereka.

Kos Pengurusan

Program Pembangunan Masyarakat Asli Negeri Pahang (PETAMA) memerlukan masa tenaga dan wang ringgit dalam jumlah yang sangat besar demi memartabatkan agama di muka bumi Allah s.w.t ini. Jumlah perbelanjaan bagi satu orang pelajar dalam tempoh satu bulan adalah RM 840.00. Manakala kos perbelanjaan bagi satu orang pelajar untuk tempoh penuh pengajian (18 bulan) boleh mencecah sehingga RM 15,120.00. Setiap perbelanjaan pelajar adalah di bawah tanggungan pihak PETAMA dari bermula pengajian pelajar di situ sehinggalah tamat pengajiannya bagi tempoh 18 bulan iaitu tiga semester. Kos perbelanjaan untuk setiap orang pelajar bagi tempoh satu bulan adalah seperti dalam jadual berikut :

Bil	PERKARA	JUMLAH
1.	PENGINAPAN	RM 100.0
2.	MAKAN & MINUM	RM 300.00
3.	PENGAJIAN	RM 250.00
4.	AKTIVITI	RM 30.00
5.	NOTA, BUKU & BEG	RM 30.00
6.	PENGANGKUTAN	RM 30.00
7.	WANG SAKU	RM 100.00
	JUMLAH	RM 840.00

Jadual: Kos Pengurusan PETAMA

Sejak penubuhan institusi ini, pelbagai pihak dari badan kerajaan dan bukan kerajaan telah berbesar hati untuk menaja usaha murni dalam berdakwah kepada orang Asli ini. Antara badan penaja tersebut adalah Yayasan Pahang, Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang, Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang, Jabatan Agama Islam Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Terengganu, Yayasan Islam Terengganu (YIT), MAIDAM, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Kemudahan dan Infrastruktur

Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli merupakan satu-satunya institusi pengajian yang menjalankan program pembangunan tamadun masyarakat Asli di negara ini. Lokasi Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli ini bukanlah sebuah institusi yang dibina atas satu kawasan khas yang lengkap dengan infrastrukturnya sendiri seperti institusi-institusi lain. Melalui peruntukan yang ada, PETAMA hanya dapat ditempatkan di kawasan perumahan di tengah Bandar Kuantan iaitu berlokasi di empat buah rumah teres dua tingkat di Lorong Bukit Ubi 12, Jalan Lim Hoe Lek, Kuantan, Pahang. Ini adalah kerana ianya masih dalam proses untuk mendapatkan tempat bagi penubuhan yang lebih strategi (Razi bin Musa 2012).

Rumah teres dua tingkat tersebut adalah menempatkan Pejabat. Sebahagian rumah yang lain, menempatkan Asrama Puteri dan juga tempat penyediaan makanan seperti dewan makan. Manakala rumah selainnya adalah menempatkan Asrama Putera di bahagian tingkat atas dan rumah yang menempatkan asrama putera tersebut, juga dijadikan surau dan kelas untuk belajar di bahagian bawahnya.

Kedudukan lokasi kawasan perumahan tersebut, juga menggambarkan suasana yang sesuai dalam membentuk tamadun masyarakat Asli. faktor suasana sekeliling dapat memperlihatkan kepada mereka secara realiti bagaimana perjalanan budaya hidup sebenar agar dapat mereka alami dengan lebih jelas bagaimana budaya yang patut diamalkan oleh masyarakat Asli untuk mencapai tamadun yang lebih baik. Secara tidak langsung dapat membiasakan mereka terhadap budaya yang jauh lebih baik berbanding apa yang mereka lihat di kampung mereka sebelum ini.

Walau bagaimanapun, pihak PETAMA mengharapkan infrastruktur yang lebih baik dalam menjalankan usaha membangunkan tamadun yang lebih berkesan. Segala kekurangan dan kedaifan yang terdapat di situ pihak PETAMA cuba atasinya sebaik mungkin. Sebagai contoh, di tempat tersebut tidak ada bangunan khusus untuk menjalankan aktiviti, hanya ruang tamu rumah dijadikan kelas dan surau.

PELAJAR PETAMA

Permulaan penubuhan Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) pada tahun 1998 tersebut hanya ditawarkan kepada pelajar dari kalangan masyarakat Asli dalam negeri Pahang sahaja. Namun, sejak tahun 2001 program tersebut menjadi tumpuan kepada beberapa buah negeri apabila ianya dilihat dapat memberi impak yang sangat baik kepada pelajar yang mengikuti program tersebut. Maka ianya mendapat sambutan yang hebat dari empat buah negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Kelantan untuk menghantar peserta mereka bagi mengikuti program di PETAMA bermula dari tahun 2001.

Syarat Kemasukan

Pihak PETAMA telah menetapkan syarat pengambilan untuk mengikuti pengajian dalam programnya bagi menjamin keberkesanannya. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

- i. Boleh membaca dan menulis.
- ii. Berumur 17 tahun ke atas.
- iii. Berminat untuk mengikuti program ini.
- iv. Tiada penyakit kronik.
- v. Mendapat mana-mana tajaan sama ada dari agensi kerajaan atau swasta.
- vi. Keutamaan kepada yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- vii. Keutamaan kepada yang belum berkahwin.
- viii. Lulus temuduga yang dikendalikan oleh Kolej Antarabangsa IKIP.

Statistik Pelajar

Sejak tahun 1998 hingga 2012, Yayasan Pahang telah menaja seramai 442 orang pelajar, Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang pula seramai 2 orang, Jabatan

Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang seramai 19 orang pelajar. Manakala negeri-negeri yang lain, mula menaja pelajar di PETAMA sejak tahun 2001. Antaranya ialah Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan telah menghantar seramai 44 orang pelajar, MAIDAM seramai 2 orang pelajar, MAIJ seramai 13 orang pelajar, YIT seramai 3 orang pelajar dan JHEAINS seramai 4 orang pelajar. Manakala peserta yang sedang menduduki pengajian di PETAMA pada tahun 2012 ini adalah seramai 34 orang iaitu 30 orang pelajar dari kalangan orang Asli seluruh Negeri Pahang dan 4 orang pelajar yang di hantar oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan. Ini bererti pelajar yang telah tamat pengajian di PETAMA adalah seramai 495 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang telah berjaya mengikuti program di PETAMA adalah seramai 529 orang sejak mula ianya ditubuhkan pada tahun 1998 sehingga tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, PETAMA telah berjaya menghasilkan seramai 53 orang pembantu penggerak di kampung masyarakat Asli seluruh Negeri Pahang.

Graduan PETAMA

1. Melanjutkan pengajian ke IPTA atau IPTS;
 - a) IPTA :
 - i. UPSI
 - ii. UUM
 - b) IPTS :
 - i. KOLEJ ANTARABANGSA IKIP
 - ii. KOLEJ ISLAM PAHANG (KIPSAS)
 - iii. INSTITUT DAKWAH ISLAM PERKIM (IDIP)
2. Pembantu Penggerak :
 - a) Mengadakan kelas al-Quran & fardu ain.
 - b) Membantu menguruskan jenazah, berkhatan, kenduri kendara dan perkahwinan.
 - c) Menjadi imam atau bilal.
 - d) Membantu mengurus masjid dan surau.
 - e) Menguruskan pengislaman.
 - f) Melapor mengenai penyelewengan dan pengaruh negatif.
3. Usahawan:
 - a) Pengusaha ladang pisang dan cili di Kampung Pasal Daerah Bera.
 - b) Pengusaha ladang pisang usahasama dengan JKKK Kampung Penderas Daerah Temerloh.
 - c) Penternak ikan air tawar di Kampung Sg. Koi Daerah Jerantut.
4. Penjawat Awam :
 - a) Kategori Kumpulan Sokongan di pelbagai jabatan kerajaan seperti JAKOA, JBA, JKR, Pejabat Tanah dan Daerah dan Pejabat Agama Islam Daerah.
 - b) Guru Tadika KEMAS.
 - c) Guru KAFA.

- d) Guru Ta'mir Masjid.

KESIMPULAN

Melihat kepada kemudahan dan prasarana yang terdapat di PETAMA bagi penulis ianya agak menyedihkan kerana pelbagai infrastruktur yang masih tidak berapa sempurna. Namun, kekurangan tersebut bukanlah bermaksud ianya menghalang perjalanan program di PETAMA bahkan terdapat banyak program yang dilaksanakan.

Lepasan atau graduan yang keluar dari PETAMA ini mampu menjadi pemangkin kepada masyarakat mereka untuk menjadi lebih terbuka kepada kehidupan yang lebih terbina dan tersusun.

Di samping itu, dengan berbekalkan pelbagai ilmu yang diisi sepanjang mereka belajar di situ mampu untuk membentuk keupayaan mereka sendiri sebagai pendakwah (da'ei) khususnya kepada masyarakat mereka.

RUJUKAN

PETAMA. 1998. Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Orang Asli (PETAMA).
Kuantan: PETAMA.

Risalah Umum PETAMA. 1998.

PETAMA. 1999. Laporan PETAMA Rehlah Ke Pekan Bandar Diraja. Kuantan:
PETAMA.

PETAMA. 2003. Kurikulum Peringkat Tamhidi dan Talhiqi. Kuantan: AQFA bahagian
Akademik.

PETAMA. 2003. Modul Public Speaking Kuantan: AQFA Bahagian Akademik.

PETAMA. 2003. Laporan Kursus Intensif Pembantu Penggerak PETAMA Kali Keenam.
Kuantan: PETAMA.

Razi bin Musa. 2012. PETAMA, Kuantan, Pahang. Temubual 20 Julai.